

27/10/2002

Adakah bom akan meletup di Bukit Bintang?

"We can't predict when they will strike next. We can't predict where they will strike next. But we have to be honest about this that there will be further attack." - TONY BLAIR- PM BRITISH

"It is serious they're reconstituted, they are coming after us, they want to execute attacks. You see it in Bali, you see it in Kuwait. They plan in multiple theatres of operation, they intend to strike again." - GEORGE TENET, Pengarah CIA

CUACA England yang dingin-hujan-muram bertambah muram bercampur marah bagi kebanyakan rakyat British. BBC, Sky News dan CNN dan semua akhbar ghairah sekali dengan tragedi Bali. Ditambah pula dengan berita letupan di Zamboanga dan penembak curi di Virginia (9 mati, 2 cedera).

Yang diulang-ulang oleh media British dan Amerika ialah jumlah korban rakyat British dan Australia yang sedang berhibur. Tentu ramai yang sedang mabuk! Berapa ramai rakyat Indonesia yang sedang mencari nafkah, terkorban, sama sekali tidak diberitakan.

Peristiwa ini paling baik untuk George Bush dan Tony Blair menuding sasaran: Pengganas-ekstrim-Islam dan al-Qaeda! Itulah matlamat tersirat daripada siaran yang emosional dan besar-besaran ini. Setelah polis tidak dapat menangkap penembak curi di Virginia itu, diumumkan teori bahawa itu juga kerja jahat al-Qaeda.

Memang kejadian seperti inilah yang mereka cari-cari untuk membuktikan pengganas Islam terus mengancam membunuh 'Orang Putih' di mana-mana, termasuk di Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Dua minggu lalu, Amerika membatalkan pasport Ahmad Ibrahim bagi membolehkan mahasiswa UIA itu dibawa pulang. Bush mahu mengesahkan dan memberitahu seluruh dunia, bahawa di negara kita juga ada anggota atau pengikut al-Qaeda.

Demikianlah, apabila nanti Amerika, Britain dan Australia campur tangan dalam urusan politik dan keselamatan di wilayah kita ini, ada justifikasinya yang kuat.

Medan latihan perang terbesar di dunia di California

Ucapan Tony Blair dan pegawai CIA yang saya petik di atas membuktikan betapa takut dan gentar sebahagian daripada rakyat Britain dan Amerika. Dan Presiden Amerika dan Perdana Menteri British itu nampak benar berusaha keras, agar seluruh rakyat dan penduduk dunia yang bukan Islam, berasa takut dan gentar sepanjang masa. Dan memusuhi Islam!

Dengan demikian rakyat mereka dan dunia akan menyokong apa juga tindakan terhadap siapa saja yang disyaki pengganas. Dan juga boleh menyerang Iraq. Dan terus menyokong tindakan amat ganas-kejam Israel terhadap Palestin supaya dunia Arab terus bergolak dan kehadiran mereka sentiasa diperlukan.

Sekarang pun mereka telah membina kem dan berlatih perang di Kuwait. Dan apabila ada tentera mereka diserang di Kuwait, mereka meradang. Di depan batang hidung mereka, sebuah kapal yang membawa minyak Petronas diserang dan terbakar.

Di California telah dibina medan latihan perang yang terbesar di dunia (menurut BBC). Latihan perang padang pasir secara intensif dan besar-besaran - dengan pelbagai senjata moden - sedang giat dijalankan. Untuk apa?

Bush dan pembantu-pembantunya, khususnya CIA - memang cukup yakin bahawa ekstremis Islam dan al-Qaeda akan terus menyerang orang Barat. Dan puak ekstremis Islam di Asia Tenggara sedang mengancam orang Australia dan

orang Barat.

Mengikuti laporan CIA, bantuan kewangan dan latihan untuk puak ekstremis Asia Tenggara ini, khususnya Indonesia dan Filipina datangnya dari negara Arab-Islam. Malaysia dan Singapura juga adalah tempat laluan ejen-ejen al-Qaeda.

Omar al-Faruq telah ditugaskan oleh al-Qaeda mengetuai Camp Vietnam, iaitu bahagian Arab di sebuah kem latihan penganas yang besar di Filipina. Latihan ini menerima pelatih dari seluruh Asia Tenggara, paling ramai dari Jemaah Islamiah Indonesia.

Pada tahun 1998, Omar menyeludup ke dalam gerakan Jemaah Islamiah di Indonesia. Ketika di Indonesia sedang bergolak dengan reformasi menjatuhkan Suharto. Suasana cukup masak untuk membuat kacau bilau politik. Berikutnya terjadilah beberapa serangan terhadap gereja, diikuti pergaduhan Islam-Kristian di Ambon, di mana ikut serta juga beberapa pemuda dari negara kita.

Ejen al-Qaeda atau ejen CIA Amerika?

Omar berkahwin dengan wanita Indonesia dan bersembunyi di sebuah pekan kecil. Akhirnya menerusi catatan nombor telefon yang ditemui CIA, ditemuilah tempat tinggal Omar di desa kecil Ciciruk, dekat Jakarta. Dia ditangkap ejen perisik Indonesia, diserahkan kepada Amerika dan dibawa ke pangkalan tentera di Bagram, Afghanistan.

Di sana, dia ditempatkan bersama anggota al-Qaeda lain yang sedang disoal siasat. Mengikuti laporan, setelah beberapa bulan disoal siasat, akhirnya mental Omar tewas. Keluarlah beberapa keterangan, termasuk pembabituan Abu Bakar Bashir yang dikatakan merancang membunuh 40 tokoh terkenal Indonesia termasuk Megawati.

Berkali-kali Amerika memujuk dan mendesak Megawati menangkap Abu Bakar, termasuk dipujuk oleh teman lamanya, Karen Brooks. Wanita yang dianggap "the rarest of Washington political birds" ini, terbang ke Jakarta dengan private jet bulan lalu. Dia pernah belajar di Jakarta, fasih berbahasa Indonesia. Dia bertemu Megawati ketika anak Sukarno ini sedang melawan tekanan politik regim Suharto, pertengahan 1990.

Karen pernah bekerja dalam pemerintahan Clinton dan kerana kepakarannya mengenai wilayah Asia Tenggara, dilantik oleh Bush sebagai anggota Majlis Keselamatan Negara.

Dalam pertemuan sulit di Istana Presiden, Karen menayangkan video yang dirampas oleh CIA dari rumah Seyem Reda di Jakarta. Sayem, rakyat Jerman, ada hubungan dengan al-Qaeda. Ditayangkan juga video kem latihan al-Qaeda di Paso. Tetapi setelah dua malam di Jakarta, Karen pulang dan Megawati tidak berganjak dengan keputusannya.

Presiden Indonesia itu cukup sedar, menangkap tokoh agama seperti Abu Bakar pasti akan menggoncang kedudukannya yang lemah dan yang memerlukan dukungan pertubuhan Islam. Namun, akhirnya setelah tragedi Bali, Abu Bakar tertangkap juga atas tuduhan merancang membunuh Presiden dan beberapa letupan bom - bukan kerana letupan bom di Bali. Sebaik tertangkap, tokoh agama ini terus sakit dan masuk hospital di Solo.

Mengikuti CIA, Omar adalah ejen al-Qaeda. Tetapi mengingat cara kerja CIA yang amat licik dan serba halal, apakah tidak mungkin Omar sebenarnya adalah ejen CIA. Kita juga sering mendengar istilah double agents.

Beberapa pergaduhan antara agama di Indonesia tidak mustahil adalah kerja provokasi-jahat CIA juga. Adalah tidak masuk akal, Jemaah Islamiah dan Majlis Mujahiddin Indonesia hendak membunuh Megawati. Untuk apa ?

Bad place. Bad with me. Bad with God.

Ahmad Ibrahim juga mungkin salah satu permainan silap mata politik CIA. Pemuda warganegara Amerika ini mungkin ejen CIA yang sudah selesai tugas atau tugasnya di Kuala Lumpur tidak berjaya, lalu dikehendaki pulang.

Abu Bakar pernah "mengajar agama" di negara kita dan dikatakan memang

ada pengikut Jemaah Islamiah di sini. Bersama Hambali yang sedang diburu polis Malaysia, kedua-duanya jadi "pendakwah bebas" dan terbabit dalam gerakan KMM. (Istilah "pendakwah bebas" ini pun terasa aneh bunyinya. Bebas bagaimana?)

Peristiwa kecurian senjata dan tembak menembak di sebuah hutan kecil di Kuala Kangsar dan tembakan kilang beer di Shah Alam serta penemuan senjata di Kuala Lumpur dan Baling, tentulah masih hangat dalam ingatan kita.

Memang wujud puak ekstremis Islam di negara kita. Apakah bom akan meletup di Kuala Lumpur? Di Bukit Bintang? Atau di Bangsar? Atau di Genting Highlands? Atau di Tanjung Bunga?

Dari sudut lain, memang cukup diketahui betapa tidak senangnya pemerintah Amerika terhadap Dr Mahathir. Al Gore, ketika menjadi Naib Presiden, di depan ketua-ketua negara dan tetamu istimewa dari seluruh dunia, pernah dengan sombong dan biadab menunjukkan rasa tidak senang itu dengan memuji demonstrasi jalanan untuk menjatuhkan Dr Mahathir. Tidak hairan nanti, jika ada bom yang diletupkan oleh ekstremis yang diperalat CIA.

Letupan bom di Bali mulai membawa kesan buruk kepada kita. Kalau meletup di Kuala Lumpur, semua kita tahu apa padahnya. Agensi perisik dan keselamatan - preman, polis dan tentera - diharap lebih waspada, kerana pegganas politik adalah manusia taksu-berakhlak dan lebih pintar berbanding kita. Kita mesti bertindak tegas untuk mengelakkan sebarang bentuk keganasan di negara kita. Rakyat tidak mahu keganasan.

Mengenai Kelab Sari, wartawan Jonathan Horn menulis dalam The Sunday Telegraph, 20 Oktober: "The Sari Club always meant trouble. On successive football trips we drank there every night and I still cringe at some of things I saw. People vomiting, fornicating, fighting to the tunes of Lionel Ritchie. There was a staple drink known as Jungle Juice which could render your paralytic in a matter of minutes. The beer was cheap, the music deliciously cheesy and the chances of acquiring female company were high."

Benarlah pendapat Jonathan: "The Sari Club bombing will mean a lot of different things to a lot of different people." Kelab hiburan paling mengasyikkan ini adalah eksklusif untuk "Orang Putih". Sebuah rencana dalam The Sunday Times, London 20 Oktober, diberi tajuk besar "Paradise Lost, Slaughter On The Island of Gods."

Mengikuti Jonathan, seorang porter hotel, orang Jawa bernama Reg yang selalu riang, akan hilang senyumannya "when we said we were off to Sari Club". Reaksi Reg: "Bad, bad place" Dan dia akan berbisik, "Bad with me, bad with God". (London - 20 Oktober 2002)